

# Kerjaya baharu alih minat Bumiputera sertai bidang profesional

**Kemunculan** kerjaya baharu yang terbentuk daripada minat seperti pengengaruh dan menawarkan pendapatan lumayan dilihat menjadi antara punca golongan Bumiputera beralih daripada menyertai sesetengah bidang profesional.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr Mohd Izwan Mahmud, berkata meskipun penghijrahan kerjaya itu belum menunjukkan perkembangan ketara namun ketidakseimbangan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam bidang profesional perlu dikurangkan.

“Ketidakseimbangan kerjaya antara Bumiputera dan bukan Bumiputera menyumbang kepada isu ketidakseimbangan ekonomi.

“Sebab itu dalam ekonomi dan kerjaya ini, kita kena pastikan jurang antara kaum tidak boleh terlampau besar kerana bila satu-satu kerjaya dimonopoli oleh satu-satu kaum, di sini akan timbul pula isu perpaduan,” katanya kepada *Bernama*.

Statistik Bumiputera 2023 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) minggu lalu merekodkan penyertaan golongan Bumiputera di bawah 50 peratus bagi kerjaya sebagai arkitek (41.2), peguam (38.2) dan akauntan (31.8).

Justeru, Mohd Izwan berkata, dalam usaha melahirkan graduan kalis masa depan serta memastikan Bumiputera mengisi kerjaya profesional, minat perlu dipupuk sejak di bangku sekolah dan pengubahsuaian kurikulum pada peringkat universiti juga harus dilakukan.

Pensyarah Pendidikan Pengembangan (Pembangunan Belia) Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Mohd Mursyid Arshad, pula berkata ramai graduan tidak bekerja dalam bidang yang sesuai dengan kelayakan akademik mereka disebabkan peluang pekerjaan agak terbatas.

Katanya, situasi ini, sekiranya tidak diatasi, boleh menyebabkan perpindahan tenaga kerja muda ke luar negara kerana tawaran gaji lebih kompetitif dan sesuai dengan kelayakan mereka, sekali gus menambah parah situasi *brain drain* atau larian cerdik pandai di Malaysia.

BERNAMA